

## TEKS UCAPAN

Yang Mulia:

فغيران داتؤ سري فادك الحاج محمد تاشيم بن فغيران الحاج محمد حسن،  
القائم بأعمال وزير الشؤون الدينية

**MAJLIS DOA KESYUKURAN, PEMBERIGAN PROGRAM BIMBINGAN  
DAN LATIHAN KEMAHIRAN BERBAHASA ARAB SERTA  
PENYAMPAIAN SIJIL DAN PELANCARAN BUKU  
*AD-DALIL AL-IRSYADI FI AT-TADRIS AL-HIWARI*  
'PANDUAN PENGAJARAN SECARA DIALOGIK'  
*HANDBOOK ON DIALOGIC TEACHING***

16 Muharram 1446H bersamaan 22 Julai 2024M (Hari Isnin)

10:00 pagi

**RIZQUN INTERNATIONAL HOTEL**

السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

بسم الله الرحمن الرحيم

الحمد لله رب العالمين والصلاة والسلام على أشرف الأنبياء والمرسلين

سيدنا محمد وعلى آله وصحبه أجمعين، أما بعد،

YM Pengerusi Bersama Majlis

YM Awang Hj Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim SUT KHEU,

YM Pmk. Timbalan-Timbalan SUT KHEU,

YM Pengarah-Pengarah, Penolong-Penolong Pengarah,

المحترم، المستشار سلطان بن محمد العزري، نائب رئيس البعثة، سفارة سلطنة عمان .

YM Pengetua-Pengetua, Guru-guru Besar, Timbalan-Timbalan Pengetua, Guru-Guru,

YM para peserta Kursus Program Bimbingan dan Latihan Kemahiran Berbahasa Arab,

**Hadirin hadirat yang hormati sekalian**

Alhamdulillah, segala puji dan syukur ke hadrat Allah Subhanahu WaTa'ala kerana dengan limpah kurnia, rahmat dan izinNya jua, kita dapat sama-sama berkumpul di dalam majlis pada pagi ini. Iaitu **Majlis Doa Kesyukuran, Pemberigaan Program Bimbingan Dan Latihan Kemahiran Berbahasa Arab Serta Penyampaian Sijil Dan Pelancaran Buku الدليل الإرشادي في التّدريس الجوّاري “Panduan Pengajaran Secara Dialogik” Handbook On Dialogic Teaching.**

Kita sangat bersyukur, dengan ujudnya hubungan baik yang sedia terjalin di antara Kesultanan Oman dan Negara Brunei Darussalam di bawah kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haitham bin Tariq Ali Sa'ed (أل سعيد), maka kerjasama dan sokongan berterusan daripada Kesultanan Oman kepada Negara Brunei Darussalam dalam bidang pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di persekolahan Arab dan ugama di negara ini dapat terus dipererat dan perkukuh lagi. Kementerian Hal Ehwal Ugama sangat berbesar hati dan ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan di atas segala sumbangan dan kemudahan penghantaran pakar dari Kesultanan Oman dalam bidang pengajaran bahasa Arab kepada bukan penuturnya, iaitu Ustaz Zakariya Yaqoub 'Amur Al-Syeibani, *International Coach* bagi Program Bimbingan dan Latihan Kemahiran Berbahasa Arab. حَفِظَهُ اللهُ وَبَارَكَ فِيهِ وَجَعَلَ جُهُودَهُ هِدْيَةً فِي مِيزَانِ حَسَنَاتِهِ.

### **Hadirin hadirat warga KHEU,**

Kita sedia maklum bahawa dalam penguasaan bahasa Arab, terdapat hubungan yang signifikan antara sikap penuntut dan pengajaran tenaga pengajar / guru. Bagaimanapun, dalam banyak kajian, pengajaran guru adalah lebih besar dalam menentukan kejayaan penuntut dalam pembelajaran bahasa Arab ini. Justeru para guru perlu mempertingkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran sejajar dengan cabaran pendidikan masa kini dengan mendedahkan kepada penuntut kefahaman dan membantu mereka ke arah pembelajaran yang lebih berkesan. Selain itu kepelbagaian strategi pengajaran bahasa Arab berupaya meningkatkan kebolehan

bahasa dalam kalangan penuntut termasuk mempunyai kebijaksanaan dalam memahami dan mengubah sikap pelajar kepada yang lebih baik.

Saya difahamkan, objektif **Program Bimbingan Dan Latihan Kemahiran Berbahasa Arab** adalah untuk memperkasa penggunaan bahasa Arab dan mengukuhkan status bahasa Arab dengan menjadikannya sebagai bahasa utama di sekolah-sekolah Arab serta membangunkan peranan institusi berkenaan dengan menyediakan perkhidmatan berkaitan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab melalui sumbangan berkesan dalam menyediakan pendekatan yang berbeza, kaedah pengajaran yang pelbagai, strategi dan cara pendidikan untuk pembelajaran bahasa Arab dengan cara yang menarik.

Melihat kepada usaha dan perisiannya itu, saya percaya, program ini dapat membantu meningkatkan prestasi tenaga pengajar dan mendedahkan mereka dengan penggunaan pendekatan pengajaran berkesan, sekaligus mengoptima tahap keupayaan dalam bidang pengajaran bahasa Arab. Natiujahnya, mampu mengubah lanskap pendidikan bahasa Arab dengan menampilkan para pengajar/ guru yang mempunyai keyakinan diri yang tinggi, menggalakkan daya berfikir secara kritis dan kreatif serta bertutur dan mengamalkan bahasa Arab dengan baik. Jelasnya, program ini adalah dalam rangka memperkasa keupayaan sendiri dalam penguasaan Bahasa Arab sekaligus membudayakan penggunaan bahasa Arab di kalangan para pemimpin sekolah, tenaga pengajar serta penuntut-penuntut di persekolahan Arab seluruh negara dan di Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanah Bolkiah.

Justeru harapan saya dan KHEU, agar semua peserta program ini memanfaatkan segala perisian program dan mempraktikkannya di dalam pengajaran agar dapat menaikkan taraf pengajaran dan penilaian penuntut yang akan menjamin kegemilangan proses pembelajaran bahasa Arab.

Di kesempatan ini, saya tidak lupa mengucapkan tahniah kepada Unit Program Ta'zeez dan *International Coach* Ustaz Zakariya Ya'qoub 'Amur Al-Syeibani di atas penerbitan buku الدليل الإرشادي في التّدريس الجوّاري "Panduan Pengajaran Secara Dialogik" *Handbook On Dialogic Teaching*.

Adalah menjadi harapan kita di KHEU supaya buku ini dapat membimbing tenaga-tenaga pengajar bahasa Arab dan mata pelajaran Ugama yang berbahasa Arab untuk menggunakan kaedah dialog dengan berkesan dalam pengajaran mereka dan untuk mewujudkan sistem pendidikan yang menggalakkan dialog dan perbincangan.

Semoga Allah Subhanahu Wata'ala memberkati usaha seumpama ini dan menjadi titik mula ke arah penerbitan lain di masa-masa akan datang serta menjadi platform pemula untuk perkongsian ilmu dan kemahiran demi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab sebagai bahasa pertama bagi sekolah-sekolah Arab dan ugama di Negara Brunei Darussalam.

Akhirnya, dengan bertawakal kepada Allah Subhanahu Wa Ta'ala. Selawat serta salam ke atas nabi junjungan kita Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam. Dan dengan mengambil sukut usaha yang baik, serta kalimah :

( رَبَّنَا افْتَحْ بَيْنَنَا وَبَيْنَ قَوْمِنَا بِالْحَقِّ وَأَنْتَ خَيْرُ الْفَاتِحِينَ )

Maka dengan berbesar hati dan syukur, saya memberigakan Program Bimbingan dan Latihan Kemahiran Berbahasa Arab dan Pelancaran Buku

الدَّلِيلُ الْإِزْشَادِي فِي التَّدْرِيسِ الْجَوَارِي.

“Panduan Pengajaran Secara Dialogik” *Handbook On Dialogic Teaching.*

وبالله التوفيق والهداية

والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته